



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
MINISTRY OF HIGHER EDUCATION

Bahagian Biasiswa
Scholarship Division
Aras 2, No. 2, Menara 2, Jalan P5/6, Presint 5
62200 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 603-8879 6000
Hotline : 603-8888 1816 / 6787
Faks : 603-8870 6839



Ruj. Kami : KPT.B(S)600-4/1/18Jld.4(47)
Tarikh : 9 Mac 2018

SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN

YBhg. Datuk/Dato'/Datin Paduka/Tuan/Puan,

**PELAWAN KEMUDAHAN PENAJAAN UNTUK PEGAWAI
PENGURUSAN DAN PROFESIONAL BAGI MENGIKUTI PENGAJIAN DI
PERINGKAT SARJANA DAN KEDOKTORAN (PH.D) SECARA SEPENUH
MASA SESI PENGAJIAN 2019/2020 KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

Dengan hormatnya saya diarah menarik perhatian YBhg. Datuk/Dato'/Datin Paduka/Tuan/Puan kepada perkara tersebut di atas.

2. Seperti mana YBhg. Datuk/Dato'/Datin Paduka/Tuan/Puan sedia maklum, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) akan meneruskan penajaan Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) bagi pegawai-pegawai **Kumpulan Pengurusan dan Profesional di agensi-agensi bawah KPT**. Penajaan ini dikhususkan kepada pegawai yang berhasrat untuk mengikuti pengajian di peringkat Sarjana dan Kedoktoran (pengajian dalam negara sahaja) Secara Sepenuh Masa bagi Sesi Pengajian 2019/2020.

3. Kemudahan yang disediakan terbahagi kepada dua (2) kategori seperti berikut:

- i. Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) bagi **Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi (PPPT)**; dan
- ii. Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) bagi Staf Bukan Akademik IPTA bagi **Para Pentadbir dan Pegawai Bukan Akademik IPTA sahaja**.

4. Sehubungan itu, pegawai-pegawai yang berminat dan berkelayakan berdasarkan kepada syarat-syarat permohonan seperti di **Lampiran A dan B** dialu-alukan untuk memohon secara atas talian di pautan <https://biasiswa.mohe.gov.my> atau melalui portal rasmi Kementerian Pendidikan Tinggi www.mohe.gov.my. Permohonan hendaklah dibuat secara atas talian sepenuhnya dengan mengikuti panduan yang telah disediakan dan **tiada sebarang dokumen** perlu dihantar secara manual ke Bahagian Biasiswa bagi permohonan tersebut. Tawaran ini akan dibuka untuk permohonan mulai **5 Mac 2018 sehingga 31 Mac 2018**.

Dr. Musa Ali
Pa. Agreen

DR. MUSA ALI
Pendaftar
Universiti Sains Malaysia

En. Faiz
Wth. Lebak

NORAZREEN BINTI RAZAK
Pendolong Pendaftaran Kanan
Bahagian Sumber Manusia
Jabatan Pendaftar, Universiti Sains Malaysia
11800 USM, Pulau Pinang



5. Permohonan yang diterima selepas jam 5 petang pada 31 Mac 2018 tidak akan diproses dan sebarang rayuan tidak akan dipertimbangkan. Sebarang pertanyaan atau kemusykilan berkaitan tawaran ini boleh dirujuk kepada Unit Biasiswa, Bahagian Biasiswa, Kementerian Pendidikan Tinggi di talian 03-8870 6370 (9.00am–5.00pm waktu bekerja) atau melalui emel kepada hlp@mohe.gov.my.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(MOHD NASIR BIN MOHAMAD MAZLAN)
Bahagian Biasiswa
b.p Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Tinggi

NOTA : UNTUK MAKLUMAT LANJUT SILA HUBUNGI PUAN NORAZREEN BINTI RAZAK
DI SAMBUNGAN 6088/ RGAZREEN@USM.MY ATAU ENCIK MUHAMMAD
FARIZ BIN AHMAD ALI DI SAMBUNGAN 6077/ FARIZ@USM.MY.

SEKIAN, TERIMA KASIH.

UNIT PERKHIDMATAN & SARAAN (UPS)

BAHAGIAN SUMBER MANUSIA
